

24/05/1997

Rakyat bangga, ucap tahniah

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengetuai rakyat Malaysia mengucapkan tahniah kepada kumpulan pendaki negara yang menakluk puncak Everest tengah hari ini.

Perdana Menteri yang dihubungi di London agak terkilan kerana tidak dapat mengucapkan tahniah sendiri kepada semua pendaki terbabit.

Perdana Menteri mengucapkan tahniah kepada dua daripada 10 pendaki yang tiba di puncak dan bangga kerana ekspedisi itu menghasilkan kejayaan cemerlang.

Ucapan itu disampaikan Dr Mahathir melalui perbualan telefon dengan jurucakap RTM, Aminuddin Abu Samah di kem pangkalan yang disiarkan secara langsung oleh RTM, hari ini.

"Tolong sampaikan salam saya dan keluarga kepada Magendran dan Mohanandas serta tahniah kepada mereka kerana menjulang nama Malaysia di puncak Everest," kata Dr Mahathir yang berada di London untuk promosi Koridor Raya Multimedia dan ketika ini bercuti selama dua bulan.

Isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah turut mengambil kesempatan mengucapkan tahniah terhadap kejayaan pendaki negara.

Dr Mahathir menasihatkan kedua-dua pendaki terbabit berhati-hati apabila kembali ke kem 4 dan tidak tergapoh-gapah.

Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, turut mengucapkan tahniah dan berkata slogan 'Malaysia Boleh' kini terbukti kebenarannya.

"Saya faham mengenai hasrat Perdana Menteri apabila beliau menegaskan bahawa tidak ada apa yang tidak mampu kita kerjakan.

"Kejayaan menguasai puncak Everest bukan sekadar kejayaan pendaki, tetapi menandakan kegigihan dan kekuatan rakyat Malaysia. Ini adalah bukti 'Malaysia Boleh'," kata Anwar yang disiarkan secara langsung oleh RTM dari kediaman rasminya, di sini.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata ekspedisi itu bukan yang terakhir kerana Tabung Puncak Dunia akan diteruskan.

"Kejayaan ini adalah kejayaan semua rakyat Malaysia kerana ini adalah projek nasional membabitkan pelbagai syarikat swasta dan bantuan daripada seluruh rakyat Malaysia," katanya selepas menyaksikan lintas langsung kejayaan itu dari studio di Angkasapuri bersama Menteri Penerangan, Datuk Mohamad Rahmat.

Pelbagai program dirancang untuk menyambut kepulangan pendaki termasuk mengadakan jamuan negara untuk mereka.

"Kita juga akan memberi ganjaran sewajarnya kepada mereka," katanya dan menambah ekspedisi mencabar yang akan dipertimbangkan selepas ini ialah menjelajah Antartika di Kutub Selatan.

Mohamad pula berkata, kejayaan itu membuktikan kemampuan rakyat Malaysia untuk menguasai gelanggang lebih besar termasuk menyemai semangat untuk menjadi pengasas dalam sesuatu bidang itu di kalangan remaja.

Sementara itu, pereka grafik, Shamshul Malis Samshir, 24, berkata kejayaan itu membuktikan tidak ada perkara yang mustahil di dunia sekiranya seseorang itu berusaha mencapai apa yang diimpikan.

"Semangat seperti itulah yang perlu disemai di dalam jiwa rakyat. Jelas projek negara mendaki Gunung Everest mampu mencapai objektifnya jika diperhalusi," katanya.

Kerani akaun sebuah syarikat swasta di ibu kota, Hazima Hassan, 21, berkata kejayaan pendaki Malaysia itu membuktikan kita mampu melakukan sesuatu yang tidak pernah difikirkan sebelum ini.

"Bukanlah sesuatu yang mustahil untuk menakluk puncak tertinggi di dunia walaupun ini adalah percubaan kita yang pertama," katanya.

Seorang pelajar, Nurul Liana Irfan, 15, berkata beliau memang yakin Malaysia mampu menakluk puncak gunung itu berikutan persediaan rapi beserta semangat pendaki dan doa seluruh rakyat Malaysia.

(END)